

**PERAKAUNAN ZAKAT KORPORAT
DI KOTA MEDAN, INDONESIA**

I R F A N

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2016**

**PERAKAUNAN ZAKAT KORPORAT
DI KOTA MEDAN, INDONESIA**

Oleh

I R F A N

Tesis yang diserahkan
Untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

OGOS 2016

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pengasih, lagi Maha Penyayang. Segala puji dan syukur saya ucapkan kepada Allah SWT atas segala rahmat dan kasih sayang-Nya yang telah memberi kekuatan dan pertolongan kepada saya untuk menyelesaikan tesis ini. Semoga Allah SWT menerima dan meredai usaha penulisan tesis ini sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu dan memuliakan Islam.

Setinggi-tingginya penghargaan buat Dr. Zahri Hamat selaku penyelia utama di atas bimbingan yang bernilai dalam proses penghasilan tesis ini. Terima kasih juga kepada Dr. Fadzila Azni Ahmad selaku penyelia bersama atas segala bimbingan, bantuan, dan perhatian yang telah diberikan sepanjang proses penyelesaian tesis ini. Semoga Allah SWT membalas segala budi baik dan sumbangan beliau.

Jutaan terima kasih disampaikan juga kepada Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh selaku pengarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia serta semua pensyarah terutama Dr. Zakaria Bahari, Dr. Mohamad Zaini Abu Bakar, Dr. Mohd Shukri Hanapi yang selalu memberikan saranan dan nasihat dengan mesra dalam setiap perjumpaan. Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) di atas geran yang dikeluarkan. Tesis ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk Perakaunan Zakat Pelaburan Di Malaysia yang dibiayai oleh *Geran Research University Individual* (RUI) nombor 1001/PSOSIAL/816289.

Penghargaan khas juga ditujukan kepada Rektor Universiti Muhammadiyah Sumatera Utara dan Dekan Fakulti Ekonomi Universiti Muhammadiyah Sumatera Utara yang telah memberikan izin dan bantuan kewangan untuk dapat melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia. Penghargaan juga disampaikan kepada Pusat Sains Kemasyarakatan dan Institut Pengajian Siswazah USM atas bantuan dan kemudahan yang disediakan sepanjang proses kajian ini.

Penghargaan juga dirakamkan kepada pihak korporat di kota Medan, Majelis Ulama Indonesia Propinsi Sumatera Utara, Badan Amil Zakat Nasional Daerah Sumatera Utara, Majelis Tarjih Pimpinan Wilayah Muhammadiyah Sumatera Utara, Pimpinan Al-Wasliyah Sumatera Utara, Prof. Dr. Abdullah Syah, Prof. Dr. Amiur Nuruddin, Dr. Maratua Simajuntak, Dr. Saparuddin, Dr. Nasirwan dan pihak berkait atas kerjasama yang telah diberikan.

Penghargaan yang sangat istimewa ditujukan buat ahli keluarga, terutamanya Allahyarham ayahanda, ibunda, pamananda Drs. Adri. K dan isteri, kedua mertua di atas segala doa restu, sokongan, dorongan sepanjang menyiapkan tesis ini. Penghargaan teristimewa ini juga ditujukan khas buat isteri tercinta, Leni Deli dan anakanda Salsabila Irfani dan Achyar Irfani yang telah sangat sabar mendampingi, memahami dan banyak membantu perjuangan dalam penyelesaian tesis ini. Semoga Allah SWT memberi kebahagiaan kepada seluruh keluarga yang telah mendoakan.

Tidak dilupakan juga penghargaan diberikan kepada teman-teman seperjuangan daripada Ikatan Pelajar dan Alumni (IPA) ISDEV Medan terutamanya Dr. Warjio, Dr. Heri Kusmanto, Dr. Farid Wajdi, Kasyful Mahali, Azuar Juliandi dan Isnaini

yang telah banyak berkongsi idea, nasihat, pengalaman, pengetahuan, masa yang mesra selama berjuang serta memberikan kritikan berguna. Semoga rahmat Allah SWT sentiasa memayungi dan memberi berakah dalam perjalanan hidup kita semua. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam memberikan sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini terutama rakan-rakan di ISDEV. Semoga Allah SWT memberikan rahmat-Nya dan meredai setiap langkah dan aktiviti kita.

Irfan
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	v
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Transliterasi	xi
Senarai Kependekan	xii
Abstrak	xiv
<i>Abstract</i>	xvi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Skop dan Batasan Kajian	12
1.7	Definisi Operasional	12
1.8	Kepentingan Kajian	16
1.9	Sumbangan Kajian	17
1.10	Organisasi Tesis	17
1.11	Kesimpulan	19

BAB 2 : KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1	Pengenalan	20
2.2	Kajian-Kajian Lepas	20
	2.2.1 Kajian Zakat Harta	21
	2.2.2 Kajian Perakaunan Zakat Korporat	23
2.3	Sorotan Karya	26
	2.3.1 Zakat Harta	26

2.3.2	Zakat Korporat	38
2.3.3	Penyata Kewangan	44
2.3.4	Perakaunan Zakat Korporat	49
2.3.5	Aplikasi Qiyās Dalam Perakaunan Zakat Korporat	60
2.4	Kerangka Konsep Kajian	62
2.5	Kesimpulan	64

BAB 3 : KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	66
3.3.1	Pengumpulan Data Primer	67
3.3.2	Pengumpulan Data Sekunder	74
3.4	Kaedah Penganalisan Data	75
3.4.1	Penganalisan Data Primer	76
3.4.2	Penganalisan Data Sekunder	76
3.5	Prosedur Kaedah Kajian	78
3.6	Kesimpulan	80

BAB 4 : KAEDAH PERAKAUNAN ZAKAT KORPORAT DI KOTA MEDAN INDONESIA

4.1	Pengenalan	81
4.2	Korporat Dalam Konsep Fiqh Dan Undang-Undang	82
4.2.1	Korporat Dalam Konsep Fiqh	82
4.2.2	Perusahaan Dalam Konsep Fiqh dan Undang-Undang Indonesia	85
4.3	Korporat Sebagai Objek Zakat	92
4.3.1	Korporat Sebagai <i>Muzakkī</i> Dalam Perspektif Fiqh	92
4.3.1.(a)	Pemilikan Dikuasai Oleh Muslim	97
4.3.1.(b)	Bidang Usaha Wajib Halal	100
4.3.1.(c)	Aset Korporat Dapat Dinilai	101
4.3.1.(d)	Aset Korporat Dapat Berkembang	102
4.3.1.(e)	Minimum Kekayaan Korporat Setara Dengan 85 Gram Emas	104

4.3.2.	Korporat Sebagai <i>Muzakkī</i> Dalam Perspektif Undang-Undang Indonesia	106
4.4	Kaedah Zakat Korporat	108
4.5	Kesimpulan	114

BAB 5 : AMALAN PERAKAUNAN ZAKAT KORPORAT DI KOTA MEDAN, INDONESIA

5.1	Pengenalan	116
5.2	Perakaunan Zakat Korporat	117
5.2.1	Data Di Dalam Penyata Kewangan	117
5.2.2	Kaedah Perakaunan Zakat Korporat	124
5.2.3	Penyeragaman Kaedah Perakaunan Zakat Korporat	125
5.3	Kaedah Keuntungan Tahunan	126
5.3.1	Pendapatan Wajib Zakat	127
5.3.2	Perbelanjaan Yang Dibenarkan	130
5.4	Kaedah Modal Kerja	131
5.4.1	Aset Semasa Kena Zakat	132
5.4.2	Penilaian Ke Atas Aset Semasa	140
5.5	Kesimpulan	144

BAB 6 : PENGHARMONIAN PENYATA KEWANGAN BERTERASKAN ZAKAT KORPORAT

6.1	Pengenalan	145
6.2	Perakaunan Zakat Korporat Di Kota Medan	146
6.2.1	Kaedah Perakaunan Zakat Korporat	150
6.3	Pengharmonian Item-Item Penyata Kewangan	156
6.3.1	Penyata Pendapatan Untuk Tujuan Zakat	156
6.3.2	Penyata Kunci Kira-Kira Untuk Tujuan Zakat	158
6.4	Kesimpulan	162

BAB 7 : PENUTUP

7.1	Pengenalan	164
7.2	Dapatan Utama dan Rumusan Kajian	164
7.3	Implikasi Kajian	168
	7.3.1 Implikasi Teoretikal	168
	7.3.1.(a) Penyeragaman Kaedah Perakaunan Zakat Korporat	169
	7.3.1.(b) Kemaskini Penyata Kewangan	169
	7.3.2 Implikasi Praktikal	170
7.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	170
7.5	Kesimpulan	171

BIBLIOGRAFI	172
--------------------	-----

LAMPIRAN 1	180
-------------------	-----

LAMPIRAN 2	185
-------------------	-----

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	11
Jadual 3.1 Syarikat yang Membayar Zakat Korporat Di Kota Medan Indonesia	68
Jadual 3.2 Pengalaman Dan Tahap Akademik Informan	69
Jadual 3.3 Ringkasan Kaedah Analisis Data Mengikut Objektif dan Persoalan Kajian	77
Jadual 4.1 Aset Korporat	111
Jadual 4.2 Liabiliti Korporat	112
Jadual 4.3 Metode Perhitungan Zakat Korporat	113
Jadual 6.1 Kewajipan Zakat Korporat	146
Jadual 6.2 Taksiran Zakat Korporat Berasaskan Modal Kerja dan Keuntungan	151
Jadual 6.3 Aset dan Liabiliti Semasa Setelah Pelarasan (dalam Rupiah)	161
Jadual 6.4. Dapatan Kajian	161

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	63
Rajah 3.1	Model Analisis Kajian	79
Rajah 5.1	Sumber Pengetahuan Responden Tentang Penyata Kewangan	118
Rajah 5.2	Data Penyata Kewangan	119
Rajah 5.3	Kaedah Mendapatkan Data Perakaunan Zakat	120
Rajah 5.4	Kecukupan Penyata Kewangan Berasas Tingkat Pendidikan	121
Rajah 5.5	Panduan Perhitungan Zakat	122
Rajah 5.6	Bentuk Panduan Perhitungan Zakat	123
Rajah 5.7	Kaedah Perakaunan Zakat Korporat	124
Rajah 5.8	Kaedah Modal Kerja	126
Rajah 5.9	Pengakuan Pendapatan Asas Akruan dan Asas Tunai	129
Rajah 5.10	Inventori	136
Rajah 5.11	Penilaian Barangan Perniagaan	141

TRANSLITERASI

Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab
t	ط	-	ا
z	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
Gh	غ	th	ث
F	ف	j	ج
Q	ق	h	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	هـ	s	س
,	ء	sy	ش
y	ي	ş	ص
ah*	ة	ḍ	ض

*Ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan

Pendek		Panjang		Diftong	
A	َ	ā	آ	ay	أَيَّ
I	ِ	ī	إِيَّ	aw	أَوَّ
U	ُ	ū	أُوَّ		

Sumber: Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.

SENARAI KEPENDEKAN

AAOIFI	<i>Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions</i>
BAZNAS	Badan Amil Zakat Nasional
BAZIS DKI	Badan Amil Zakat Infak Sedekah Daerah Khusus Ibu kota
BUMN	Badan Usaha Milik Negara
BUMS	Badan Usaha Milik Swasta
DSN	Dewan Syariah Nasional
FAS	<i>Financial Accounting Standard</i>
hlm.	Halaman
IAI	Ikatan Akuntan Indonesia
IFRS	<i>International Financing Report Standard</i>
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
KUHD	Kitab Undang Hukum Dagang
LAZ	Lembaga Amil Zakat
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MASB	<i>Malaysian Accounting Standard Board</i>
MUI	Majelis Ulama Indonesia
No.	Nombor
Ph.D	<i>Philosophi of Doktor</i>
PT BPR	Perseroan Terbatas Bank Prekreditasi Rakyat
PSAK	Pernyataan Standar Akuntansi Indonesia
RUPS	Rapat Umum Pemegang Saham
SAK	Standar Akuntansi Keuangan

SAW	<i>Salallahu 'Alaihi Wasallam</i>
SLTA	Sekolah Lanjutan Tingkat Atas
Sumut	Sumatera Utara
SWT	<i>Subahana Wa Ta'ala</i>
UU	Undang-Undang
UNIMED	Universitas Negeri Medan
UINSU	Universitas Islam Negeri Sumatera Utara

PERAKAUNAN ZAKAT KORPORAT

DI KOTA MEDAN, INDONESIA

ABSTRAK

Tesis ini menganalisis perakaunan zakat korporat yang diamalkan dalam kalangan *muzakki* korporat di kota Medan, Indonesia. Secara umumnya kebanyakan *muzakki* korporat di Indonesia menggunakan kaedah modal kerja dalam membuat taksiran zakat korporat. Melalui kaedah ini *muzakki* dikenakan zakat selagi modal kerja mempunyai nilai positif walaupun operasi perniagaan mereka mengalami kerugian. Sebaliknya, *muzakki* tidak akan dikenakan zakat sekiranya modal kerja mempunyai nilai negatif walaupun operasi perniagaan memperoleh keuntungan yang lumayan. Persoalannya, apakah kaedah perakaunan zakat korporat yang diamalkan dalam kalangan *muzakki* korporat secara khusus di kota Medan? Bagaimanakah pandangan tokoh agama, ahli akademik dan pengamal zakat terhadap kaedah perakaunan zakat korporat yang diamalkan di Kota Medan? Bagi menjawab persoalan-persoalan ini kajian lapangan dijalankan melalui soal selidik dan temubual mendalam dengan menggunakan persampelan bertujuan. Data yang diperoleh dianalisis melalui kaedah deskriptif dan analisis kandungan. Kajian ini telah memperoleh tiga penemuan utama. Pertama, syarikat korporat diwajibkan zakat sama ada berdasarkan hujah fiqh ataupun undang-undang Indonesia. Kedua, majoriti *muzakki* korporat di kota Medan menggunakan kaedah keuntungan dalam membuat taksiran korporat masing-masing. Ketiga, tokoh agama, ahli akademik dan pengamal zakat berpandangan bahawa kaedah modal kerja selari dengan kehendak Syarak, namun kaedah keuntungan boleh digunakan sesuai dengan pelbagai bentuk

perniagaan pada masa kini. Dapatan kajian ini memberi dua implikasi dasar. Pertama, sebagai pemangkin ke arah pengharmonian kaedah perakaunan zakat korporat dengan peraturan percukaian di Indonesia. Bagi merealisasikan hasrat ini, Majelis Ulama Indonesia dengan kerjasama Badan Amil Zakat Nasional perlu mengambil tindakan untuk mengeluarkan fatwa tentang kaedah perakaunan zakat korporat. Kedua, penyata kewangan yang sedang diamalkan perlu dikemas kini supaya memenuhi keperluan perakaunan zakat korporat. Memandangkan penyata kewangan mengikut amalan semasa merupakan penyata kewangan yang berasaskan perakaunan lazim.

CORPORATE ZAKAT ACCOUNTING

IN MEDAN CITY, INDONESIA

ABSTRACTS

This thesis aims to analyze the corporate *zakat* accounting practised by *muzakkī* in Medan, Indonesia. Generally, most of the corporate *muzakkī* in Indonesia use working capital method to assess their corporate *zakat*. By using this method, *zakat* will be imposed if only the working capital has positive value despite suffering a loss. In contrary, *zakat* will not be imposed if the working capital has negative value even with profit gaining. However, what are the methods used in the accounting of corporate *zakat* specifically in Medan, Indonesia? How does the opinion of religious figures, scholars and *zakat* practitioners towards corporate *zakat* accounting method in Medan? In order to answer these questions, field study was held through questionnaires and indepth interviews by purposive sampling method. All data were analysed using descriptive and content analysis method. This research has revealed three important findings. First, a business corporations obliged to pay *zakat* due to the regulation of *fiqh* and Indonesia. Second, majority of business corporations in Medan used profit method in their corporate *zakat* accounting. Third, religious figures, scholars and *zakat* practitioners agreed that working capital method is allied with *Shara'*, however, they acknowledged the profit methods to be practised with the diversity of present corporate businesses. These findings led into two implications. First, as the catalyst to generate the harmonization between the corporate *zakat* accounting with the corporate taxation rules in Indonesia. In order to achieve this, Majelis Ulama Indonesia should collaborate with the National *Zakat*

Management Board in issuing *fatwa* of the corporate *zakat* accounting method. Second, the current financial statement needs to be updated in order to meet the needs of corporate *zakat* accounting. This is because the current financial statement is based on conventional accounting.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah perakaunan zakat korporat yang diamalkan oleh *muzakkī* di kota Medan, Indonesia. Istilah korporat dalam bahasa Inggeris disebut dengan *corporate*, sedangkan dalam bahasa Indonesia disebut dengan istilah perusahaan. Istilah korporat atau perusahaan dipakai dalam kajian ini kerana bersesuaian dengan Kitab Undang-undang Hukum Dagang (KUHD) dan Undang-undang Zakat di Indonesia. Di Indonesia kebanyakan korporat menggunakan kaedah yang berbeza dalam amalan perakaunan zakat korporat. Persoalannya, mengapakah berlaku perbezaan dalam perakaunan zakat korporat di Indonesia khususnya di Kota Medan?

Bab pertama ini memfokuskan perbincangan mengenai latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian. Perbincangan turut meliputi kepentingan kajian, sumbangan kajian, definisi operasional dan organisasi tesis.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Islam adalah agama yang syumul dan universal, mencakupi seluruh aspek dalam kehidupan manusia. Antara aspek yang sangat dititikberatkan adalah aspek persaudaraan. Hal ini kerana tidak semua manusia di dunia ini menikmati hidup yang mewah. Bumi ini didiami oleh pelbagai golongan yang terdiri daripada golongan yang kaya, sederhana dan miskin. Justeru, bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik ini, maka Allah SWT telah mensyariatkan satu sistem atau kaedah yang dikenali sebagai zakat untuk membantu golongan tersebut (Wahid Hairunnizam, W., Sanep Ahmad, & Mohd. Ali, M. Noor, 2005).

Dalam al-Quran sering kali kata zakat dipakai bergandingan dengan kata solat, yang menegaskan adanya kaitan pelengkap antara ibadah solat dan zakat. Jika solat berdimensi vertikal ketuhanan, maka zakat merupakan ibadah yang berdimensi horizontal kemanusiaan (Muhammad Taufik Ridho, 2002).

Allah SWT dengan tegas mengatakan umat Islam baru dikatakan saudara seagama setelah melaksanakan solat dan zakat (Al-Taubah, 9:11). Mengeluarkan zakat bukan bererti kita merasa memberi mereka, akan tetapi memang haknya mereka para fakir miskin yang mesti kita keluarkan (Al-Dhāriyāt, 51:19). Bahkan Allah SWT mengingatkan bagi yang tidak mahu mengeluarkan zakat disetarakan dengan orang-orang musyrik yang ingkar terhadap kehidupan akhirat (Al-Fuṣṣilat, 41: 7).

Secara teorinya, zakat dibayar oleh golongan kaya dan akan diagihkan kepada golongan miskin dan proses pengagihan zakat diharapkan mencapai tahap optimum kepada asnaf zakat. Justeru, proses yang optimum ini akan memberikan impak yang besar dan berkesan bukan sahaja kepada asnaf zakat khususnya malah kepada

ekonomi sesebuah negara secara amnya. Ini adalah kerana kesan daripada pengagihan zakat ini, asnaf bukan sahaja berjaya keluar daripada kelompok yang menerima zakat malah mungkin menjadi penyumbang zakat (HairrunizamWahid et al, 2009).

Zakat dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah iaitu zakat yang diwajibkan kepada individu yang beragama Islam sehubungan dengan berakhirnya bulan Ramadhan. Zakat fitrah berfungsi mengembalikan manusia Muslim kepada fitrahnya, dengan menyucikan jiwa mereka daripada kotoran-kotoran (dosa) yang disebabkan oleh pengaruh pergaulan dan sebagainya sehingga manusia itu menyimpang daripada fitrahnya. Manakala zakat harta iaitu zakat yang dikenakan atas harta yang dimiliki oleh seseorang atau lembaga dengan syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan yang telah ditetapkan (Didin Hafidhudin, 2002)

Sumber-sumber harta yang diwajibkan zakat pada awal Islam hanya terhad kepada lima kategori harta. Pertama, zakat wang (*al-ʿAyn*) iaitu emas dan perak yang dimiliki. Kedua, zakat tanaman (*al-Ḥarth*) iaitu barli, gandum, kurma dan jagung. Ketiga, zakat ternakan (*al-Māshiyah*) iaitu unta, lembu dan kambing. Keempat, zakat hasil perut bumi (*al-Rikāz*) iaitu galian berbentuk pepejal seperti emas dan perak. Kelima, zakat perniagaan (*al-Tijārah*) iaitu sebarang bentuk barangan kecuali emas dan perak yang disediakan untuk diurusniagakan (Mujaini Tarimin, 1995: 35-36; Wahid Hairunnizam, W., Sanep Ahmad, & Mohd. Ali, M. Noor, 2005).

Pembahagian mengikut kategori harta yang diwajibkan zakat ini bukanlah sesuatu yang tegar. Ia boleh berubah mengikut keadaan masa dan setempat. Sebenarnya, usaha memperluaskan sumber zakat ini bukan sesuatu yang baharu (Wahid

Hairunnizam, W., Sanep Ahmad, & Mohd. Ali, M. Noor, 2005; Zahri Hamat, 2007). Misalnya, Khalifah Umar al-Khattab mewajibkan zakat ke atas kuda, kacang dan hasil keluaran laut seperti ambar, mutiara dan marjan (M. Hasby Ash-Shiddieqy, 1976: 217; Musa Ahmad, Arifin Md. Salleh, & Abdullah Hj. Said, 2007). Manakala Imam Ahmad mewajibkan zakat ke atas madu dan semua jenis hasil perut bumi. Al Imām al-Zuhri, al-Hasan dan Abu Yusuf pula mewajibkan semua hasil keluaran laut (Abdul Ghafar Ismail & Nur Azura Sanusi, 2006: 95). Usaha-usaha memperluaskan sumber-sumber baharu zakat telah berlaku secara berterusan sehingga kini.

Salah satu pemikiran kontemporari mengenai zakat yang menjadi wacana dewasa ini ialah zakat korporat. Para ulama menganalogikan zakat korporat dengan zakat perniagaan. Syarikat atau korporat merupakan sebuah badan yang terdiri daripada kekayaan seorang mahupun ramai orang yang menjalankan kegiatan perdagangan baik barangan mahupun perkhidmatan. Adanya kekayaan daripada banyak orang dalam suatu institusi menjadikan sebahagian ulama menganggap suatu syarikat atau korporat sebagai orang yang berimplikasi pada kewajipan zakat terhadap korporat atau syarikat (Didin Hafidhudin, 2008).

Daripada pelbagai jenis harta wajib zakat itu, zakat korporat adalah antara yang begitu berkembang dengan agak pesat di Indonesia. Potensi zakat korporat di Indonesia relatif sangat besar, iaitu mencapai Rp114 trilion atau 52.5 peratus daripada potensi zakat nasional yang mencapai Rp 217 trilion (BAZNAS, 2011). Zakat korporat sering dibincangkan dalam kalangan pihak berkuasa zakat, ahli akademik dan para penyelidik. Antara fokus utama perbincangan tersebut ialah tentang perakaunan zakat korporat.

Kajian tentang zakat dan perakaunan zakat dalam kalangan ahli akademik telah terus berkembang, walaupun boleh dikatakan kajian yang agak khusus berkaitan dengan perakaunan zakat korporat agak begitu kurang (Sofyan Syafri Harahap, 2009). Kajian tentang zakat ini tidak hanya dibincangkan dalam domain pengajian agama atau syariah sahaja, tetapi telah melebar dengan memasukkan masalah sosial dan ekonomi.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Zakat korporat adalah satu fenomena baharu, sehingga hampir dipastikan tidak ditemukan dalam kitab *fiqh* klasik. Ulama kontemporari melakukan dasar hukum zakat korporat melalui upaya *qiyās*, iaitu zakat korporat di*qiyā*skan kepada zakat perniagaan¹.

Zakat perniagaan adalah zakat yang diwajibkan atas aset atau harta perniagaan. Aset perniagaan adalah istilah yang lahir daripada perkataan Arab iaitu *ūrūd al-tijārah* (Yusuf al-Qaradāwī, 1996:298). Terdapat pelbagai definisi *ūrūd al-tijārah* yang diberikan oleh ulama silam. Namun pandangan mereka adalah bersesuaian dengan aset perniagaan yang wujud pada zaman mereka.

Mengikut Sunnah Rasulullah SAW zakat perniagaan diwajibkan hanya ke atas barangan perniagaan. Hal ini berasaskan Hadis Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Samurah bin Jundub yang bermaksud:

“Rasulullah SAW memerintahkan kami supaya mengeluarkan zakat ke atas barangan yang disediakan untuk dijual” (Abu Dawud, No. 1557).

¹ Dalam kajian ini istilah korporat dan perniagaan adalah membawa maksud yang sama, namun pemakaian kedua-dua istilah tersebut adalah mengikut kesesuaian ayat.

Menurut Sayyid Sabiq (1985), sesuatu barangan dikategorikan sebagai barangan perniagaan sekiranya barangan tersebut diperoleh melalui perniagaan dan diniatkan untuk tujuan perniagaan semasa barangan itu diperoleh. Nilai barangan perniagaan tersebut dinilai berasaskan harga pasaran yang sah pada masa zakat diwajibkan tanpa melihat kepada harga belian.

Zakat barang perniagaan merupakan zakat yang wajib dikeluarkan daripada hasil harta perniagaan sama ada berasaskan perbuatan, perlombongan, perikanan, perkapalan, pertanian, perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan diperniagakan. Ini termasuklah sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian sesama Islam atau dengan bukan Islam, perniagaan semua jenis syarikat, koperasi atau perniagaan saham dan sebagainya. Allah SWT menjelaskan bahawa segala hasil usaha yang baik itu wajib zakat (A. Hasby Ash-Shiddieqy, 1997: 85; Mujaini Tarimin, 2005: 51) seperti dalam rujukan berikut ini.

“Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau. (al-An’ām, 6:141).

Bagaimanapun dalam *Kitab al-Amwal* dilaporkan bahawa zakat perniagaan semestinya dikenakan ke atas modal kerja bagi sesuatu perniagaan bukan hanya ke atas barangan perniagaan. Maimun b. Mahran melaporkan seperti berikut:

“Apabila sudah tiba waktu kamu mengeluarkan zakat, kiralah berapa jumlah wang tunai yang ada pada mu, kira berapa nilai barangan perniagaan yang kamu miliki, kemudian dinilai keseluruhan barangan tersebut dengan nilai wang tunai, dan kiralah hutang yang dapat dijelaskan (yang diberi persetujuan untuk dibayar), dan tolaklah hutang yang perlu dijelaskan, kemudian keluarkanlah zakat bakinya” (Abu 'Ubayd, 1991).

Berdasarkan kepada kaedah tersebut, data dalam penyata kewangan iaitu penyata kunci kira- kira menjadi hal yang penting. Ada beberapa langkah yang perlu diambil dalam membuat perakaunan zakat korporat. Pertama, kira semua wang tunai yang ada di korporat mahupun di bank. Kedua, lakukan penilaian ke atas barangan perniagaan. Ketiga, kira berapa jumlah piutang yang sebenar dapat dipungut. Keempat, kira jumlah hutang yang perlu dibayar dan seterusnya menjumlahkan tunai, nilai barangan perniagaan dan piutang yang akan diterima, kemudian menolak hutang yang perlu dibayar. Zakat dikenakan pada kadar 2.5 peratus ke atas baki yang dikenali sebagai modal kerja korporat (Yusuf al-Qaradāwī, 1999). Hal ini dapat dirumuskan sebagai berikut :

$$\text{Jumlah zakat} = \text{nilai barangan perniagaan} + \text{wang tunai} + \text{akaun belum diterima} - \text{akaun belum bayar} \times 2.5 \text{ peratus}$$

Bagi *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI)* (1996) telah memperkenalkan dua kaedah dalam perakaunan zakat perniagaan. Kaedah pertama dikenali sebagai kaedah dana pelaburan bersih dan kaedah kedua dikenali sebagai kaedah aset bersih. Perkiraan kaedah dana pelaburan bersih adalah seperti berikut:

$$\text{Kaedah Dana Pelaburan Bersih} = \text{modal yang dibayar} + \text{lebih} + \text{peruntukan yang tidak ditolak daripada aset} + \text{keuntungan yang diperoleh} + \text{pendapatan bersih} + \text{liabiliti yang tidak perlu dibayar pada akhir tahun perjanjian pinjaman} - (\text{nilai aset tetap} + \text{pelaburan yang tidak perlu kepada pertukaran seperti ladang untuk disewa} + \text{kerugian terkumpul})$$

Bagi kaedah aset semasa bersih pula, cara pengiraan adalah seperti berikut:

$$\text{Kaedah Aset Semasa Bersih} = \text{aset} - \text{liabiliti} \pm \text{pelarasan}$$

Selain daripada kaedah modal kerja dan kaedah modal berkembang, Sabahaddin Zaim (1989), Yusuf al-Qaraḍāwī (1999) dan Husain Shahatah (2003) berpendapat bahawa zakat boleh juga dikenakan ke atas pendapatan. Ia *dīqiyās*kan kepada hasil pertanian.

Ketidakseragaman perakaunan zakat korporat yang diamalkan turut berlaku pada *muzakkī* di kota Medan, Indonesia. Paling tidak ada dua kaedah yang diamalkan iaitu kaedah modal kerja dan kaedah keuntungan. Ketidakseragaman pengamalan kaedah ini menimbulkan beberapa implikasi. Antaranya yang penting ialah kedua-dua kaedah ini akan menghasilkan nilai zakat yang dikenakan adalah berbeza. Selain itu, jika kaedah modal kerja yang dipakai, selagi modal kerja tersebut adalah positif, sesuatu korporat dikenakan zakat walaupun ia mengalami kerugian.

Sebaliknya jika sesuatu korporat mendapat keuntungan yang tinggi sekalipun, ia tidak dikenakan zakat selagi modal kerja korporat adalah negatif. Persoalannya antara kedua-dua kaedah tersebut, kaedah manakah yang lebih adil sama ada kepada penerima zakat ataupun kepada pemilik korporat? Apakah munasabah sesuatu korporat itu telah mengalami kerugian, tetapi pada masa yang sama ia dibebani dengan zakat? Sedang kepada pihak yang lain, mereka tidak dikenakan zakat, padahal mereka menikmati keuntungan yang lumayan. Jika kaedah keuntungan yang dipakai, bagaimanakah pula untuk membuat klasifikasi belanja-belanja yang dibenarkan ditolak daripada pendapatan? Inilah antara persoalan yang menarik untuk dijawab dalam kajian ini.

Persoalan yang timbul mempamerkan justifikasi kuat betapa perlunya untuk diadakan kajian yang lebih mendalam mengenai perakaunan zakat korporat yang diamalkan oleh *muzakkī* di kota Medan, Indonesia. Kota Medan merupakan kota

terbesar ketiga di Indonesia yang mana banyak syarikat korporat yang dimiliki oleh orang Islam dan mempunyai potensi untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat. Namun jumlah korporat di kota Medan yang membayar zakat relatif kecil (BAZNAS SUMUT. 2010). Satu kaedah yang adil kepada pembayar dan penerima zakat serta yang hampir dengan kehendak syariat Islam perlu diwujudkan. Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk mengkaji persoalan-persoalan di atas dalam menentukan kaedah perakaunan zakat korporat yang sesuai untuk di amalkan di institusi-institusi zakat dan *muzakkī* di kota Medan, Indonesia.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kaedah perakaunan zakat korporat yang diamalkan oleh *muzakkī* di kota Medan, Indonesia. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti prinsip-prinsip asas dalam pembentukan kaedah perakaunan zakat korporat di kota Medan, Indonesia.
- ii. Menganalisis amalan perakaunan zakat korporat yang diamalkan *muzakkī* di kota Medan, Indonesia.
- iii. Mencadangkan pengharmonian item-item yang dipersembahkan dalam penyata kewangan sebagai dasar dalam perakaunan zakat korporat yang boleh diamalkan.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Untuk mencapai objektif kajian tersebut, tujuh persoalan kajian telah ditimbulkan.

Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah konsep korporat menurut *fiqh* dan undang-undang Indonesia?
- ii. Apakah syarat korporat sebagai *muzakkī*?
- iii. Apakah kaedah perakaunan zakat korporat?
- iv. Bagaimanakah amalan perakaunan zakat korporat di kota Medan, Indonesia?
- v. Bagaimanakah menentukan aset semasa diwajibkan zakat dan liabiliti semasa dikecualikan zakat?
- vi. Bagaimanakah menentukan pendapatan yang diwajibkan zakat dan perbelanjaan yang dibenarkan?
- vii. Bagaimanakah pandangan responden mengenai amalan perakaunan zakat korporat di kota Medan, Indonesia?
- viii. Bagaimanakah item-item yang dipersembahkan dalam penyata kewangan sudah selaras dengan kehendak syarak?

Hubung kait antara objektif kajian dengan persoalan kajian dapat dilihat dalam Jadual berikut:

Jadual 1.1: Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1. Mengenal pasti prinsip-prinsip asas dalam pembentukan kaedah perakaunan zakat korporat.	i. Apakah konsep korporat menurut <i>fiqh</i> dan undang-undang Indonesia? ii. Apakah syarat korporat sebagai <i>muzakkī</i> ? iii. Apakah kaedah perakaunan zakat korporat?
2. Menganalisis amalan perakaunan zakat korporat oleh <i>muzakkī</i> di kota Medan, Indonesia.	iv. Bagaimanakah amalan perakaunan zakat korporat di kota Medan, Indonesia? v. Bagaimanakah menentukan aset semasa diwajibkan zakat dan liabiliti semasa dikecualikan zakat? vi. Bagaimanakah menentukan pendapatan yang diwajibkan zakat dan perbelanjaan yang dibenarkan?
3. Mencadangkan pengharmonian item-item yang dipersembahkan dalam penyata kewangan sebagai dasar dalam taksiran zakat korporat yang boleh diamalkan.	vii. Bagaimanakah pandangan responden mengenai amalan perakaunan zakat korporat di kota Medan, Indonesia? viii. Bagaimanakah item-item yang dipersembahkan dalam penyata kewangan sudah selaras dengan kehendak syarak?

Berdasarkan Jadual 1.1, terdapat tiga objektif kajian yang ingin dicapai dan lapan persoalan kajian yang telah ditimbulkan. Secara khususnya, untuk mencapai objektif pertama terdapat tiga persoalan kajian yang dijawab. Sementara untuk objektif kajian kedua terdapat tiga persoalan. Sedangkan dua persoalan yang perlu dijawab untuk mencapai objektif ketiga kajian.

1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu pada perakaunan zakat korporat di Medan, Indonesia. Walau bagaimanapun bagi menjadikan kajian ini lebih terfokus, beberapa batasan penyelidikan telah ditetapkan sebagaimana berikut:

1. Batasan jenis zakat: fokus kajian hanya kaedah perakaunan zakat korporat yang diamalkan *muzakkī* di kota Medan, Indonesia
2. Batasan *muzakkī*: kajian ini hanya tertumpu pada lapan syarikat yang membayarkan zakat korporat di kota Medan, Indonesia melalui Badan Amil Zakat Nasional Sumatera Utara.
3. Batasan kawasan: kajian ini dilakukan di kota Medan, Indonesia kerana banyak korporat di kota Medan yang dimiliki oleh orang Islam berpotensi untuk membayar zakat korporat.
4. Batasan responden: responden dihadkan kepada tiga kategori. Kategori pertama ialah pihak *muzakkī* yang telah membayar zakat korporat. Kategori kedua ialah pihak yang mewakili Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) provinsi Sumatera Utara, dan pihak yang mewakili organisasi Islam kemasyarakatan seperti Muhammadiyah dan al-wasliyah. Kategori ketiga ialah ahli akademik atau pemikir dalam bidang zakat di kota Medan, Indonesia.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

Bagi memudahkan perbincangan, tiga konsep penting diberikan definisi secara operasional mengikut kajian ini. Konsep pertama adalah zakat, konsep kedua adalah

perakaunan zakat korporat dan konsep ketiga adalah kaedah perakaunan zakat korporat. Berikut diuraikan definisi operasional konsep-konsep tersebut.

1.7.1 Zakat

Zakat dalam bahasa Arab bermaksud pertambahan, penyucian dan keberkatan (Sayyid Sabiq, 1985). Mengikut istilah, zakat bermakna mengeluarkan kadar tertentu daripada harta yang tertentu kepada orang yang berhak menerimanya (Yusuf al-Qaraḍāwī, 1999). Zakat juga bermakna suatu hak yang wajib dikeluarkan daripada harta yang telah ditetapkan oleh Syariat (Abdul Karim Zaidan, 1999).

Zakat juga bermaksud pemindahan hak milik atas sebahagian tertentu daripada harta tertentu kepada orang tertentu dengan tujuan mendapatkan keredaan Allah SWT dan menyucikan jiwa, harta dan masyarakat (Husayn Syahatah, 1990).

Zakat bermaksud penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada golongan orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari keredaan Allah SWT, penyucian diri dan harta untuk membangunkan masyarakat berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak (Mujaini Tarimin, 1999).

Berdasarkan definisi yang dikemukakan, terdapat empat unsur utama yang telah ditonjolkan. Pertama, jenis harta tertentu. Kedua, kadar harta tertentu. Ketiga, untuk golongan tertentu. Keempat, syarat-syarat tertentu (Zamzuri Zakaria, 2006:68). Oleh sebab itu zakat bagi maksud kajian ini adalah merujuk kepada hak yang wajib dikeluarkan daripada harta tertentu dengan kadar tertentu bagi tujuan diagihkan kepada golongan tertentu berdasarkan syarat-syarat tertentu untuk mendapat keredaan Allah SWT.

1.7.2 Korporat

Korporat dalam istilah Arab adalah *syarikat* dan asal katanya daripada *Syaraka* dan daripada kata tersebut muncul istilah *musyarakah* atau *syirkah* yang didefinisikan secara umum iaitu bersatunya dalam mendapatkan hak atau melakukan suatu tindakan (Sayyid Sabiq, 1987:193). Ahli *fiqh* mendefinisikan syarikat atau korporat sebagai kontrak atau perjanjian antara dua orang atau lebih. Dalam kontrak ini, persetujuan telah diambil untuk mengadakan usaha sama dalam bidang kewangan, kemahiran dan pengamalannya. Dengan itu segala keuntungan dan kerugian akan ditanggung bersama berdasarkan kontrak yang telah dipersetujui (Muhammad Kamal 'Atiyah, 1992:58). Syarikat dalam konteks perdagangan bermaksud penggabungan antara harta dan tenaga manusia.

Istilah korporat merujuk kepada badan hukum dan perbuatan badan usaha menjalankan usahanya. Undang-Undang Nomor 8 Tahun 1997 tentang Dokumen perusahaan dalam Pasal 1 Angka 1 dijelaskan bahawa perusahaan atau korporat adalah setiap bentuk usaha yang melakukan kegiatan secara tetap dan terus menerus dengan memperoleh keuntungan dan atau laba, baik yang diselenggarakan oleh orang perseorangan mahupun badan usaha yang berbentuk badan hukum atau bukan badan hukum², yang didirikan dan berkedudukan dalam wilayah Negara Republik Indonesia.

Dari pengertian tersebut dapat dirumuskan bahawa korporat adalah transaksinya dua orang atau lebih dalam berusaha melalui perkongsian harta atau pekerjaan atau nama baik (kredibiliti) dengan untung dan rugi ditanggung bersama sesuai kesepakatan

² Perbezaan badan usaha yang berbentuk badan hukum dan bukan badan hukum ialah terletak pada pemisahan harta kekayaan. Badan usaha berbentuk badan hukum kekayaan pemilik terpisah dengan kekayaan usaha seperti Perseroan Terbatas. Manakala badan usaha bukan badan hukum, kekayaan pemilik menyatu dengan kekayaan usaha.

yang dibenarkan oleh syariah. Definisi ini dipakai dalam kajian ini.

1.7.3 Perakaunan Zakat Korporat

Perakaunan dalam bahasa Arab ialah *muhasabah* iaitu kata dasar bagi *hisab* yang bermaksud membuat pengiraan (Louis Ma'luf, 1986). *Muhasabah* juga merujuk kepada pengiraan peribadi mengenai baik atau buruknya amalan seseorang (Husayn Syahatah, 1990: 94-95).

Perakaunan didefinisikan sebagai proses mengenal pasti, mengukur, merekodkan, mengelas, meringkaskan, mengumpul dan melaporkan mengenai peristiwa ekonomi dengan tujuan memberi gambaran mengenai kedudukan kewangan dan prestasi syarikat kepada pengguna maklumat kewangan (Takiyah Mohd Iskandar, 1991).

Menurut Muhammad Kamal 'Atiyah (1993: 67), perakaunan merupakan satu cabang ilmu sains sosial yang bertujuan menerangkan ukuran kegiatan harta tertentu dan merekodkan urusan niaga kewangan berdasarkan prinsip-prinsip ilmiah yang tertentu dan menerangkan hasil yang diperolehi untuk kegunaan masyarakat dan pihak yang berkepentingan dalam perniagaan.

Perakaunan zakat dalam bahasa Arab ialah *muhasabah al-zakat*. Dari segi istilah, perakaunan zakat ialah satu bidang ilmu perakaunan untuk menentu dan menilai harta yang diwajibkan zakat, menentukan kadarnya, membuat taksiran zakat yang dikenakan dan memungut serta mengagihkan kepada penerima zakat berdasarkan kaedah yang ditetapkan oleh syarak (Husain Shahatah, 1990)

Definisi perakaunan zakat korporat yang dipakai dalam kajian ini ialah proses mengenal pasti ciri-ciri harta korporat yang diwajibkan zakat, menentukan syarat-syarat harta yang diwajibkan zakat, memastikan kadar zakat yang dikenakan dan

kemudian membuat taksiran zakat ke atas harta tersebut. Definisi ini dipakai dalam kajian ini.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai perakaunan zakat korporat kepada *muzakkī* di kota Medan Indonesia penting paling tidak disebabkan tiga hal berikut:

- i. Perbezaan dalam perakaunan zakat korporat boleh menggelisahkan masyarakat baik pihak *muzakkī* mahupun pihak *mustahik*, sehingga diperlukan suatu kaedah alternatif untuk mewujudkan perakaunan zakat korporat yang lebih adil.
- ii. Dapat menyediakan panduan teknikal perakaunan zakat korporat yang berhubung kait dengan item-item dalam penyata kewangan yang dijadikan sebagai dasar dalam membuat perakaunan zakat korporat.
- iii. Untuk memberi panduan kepada pengamal zakat dan agensi-agensi pengelolaan zakat di kota Medan dan provinsi lainnya di Indonesia dalam memperkemas lagi sistem pentadbiran mereka agar matlamat dan konsep perakaunan zakat korporat sebagaimana dikehendaki oleh syarak dapat direalisasikan.

1.9 SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan baik secara teoretikal mahupun secara praktikal, seperti berikut:

- i. Secara teoretikal kajian ini diharapkan dapat bermanfaat untuk menyeragamkan kaedah perakaunan zakat korporat dan mengkemas kini penyata kewangan korporat yang dijadikan sebagai dasar dalam taksiran zakat korporat.
- ii. Secara praktikal, kajian ini diharapkan dapat mendorong korporat untuk menunaikan zakat korporat.

1.10 ORGANISASI TESIS

Penulisan tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama membincangkan pendahuluan berkenaan kajian iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi kajian.

Bab kedua pula membincangkan tentang kajian-kajian lepas dan sorotan karya berhubung dengan topik kajian. Ini penting bagi melihat lompong penyelidikan yang sudah ada. Hasil daripada kajian lepas dan sorotan karya ini akan dibentuk kerangka konseptual kajian.

Berikutnya bab ketiga memfokuskan terhadap kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Ia meliputi tiga bahagian. Bahagian pertama ialah reka bentuk kajian yang digunakan. Bahagian kedua ialah kaedah pengumpulan data. Bahagian ketiga ialah kaedah penganalisan data.

Analisis ke atas dapatan kajian dibincangkan dalam bab keempat sehingga keenam. Bab keempat bertujuan menjawab soalan-soalan kajian dalam objektif pertama. Pembahasan dalam bab ini bertujuan untuk mencapai objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti asas-asas dalam pembentukan kaedah perakaunan zakat korporat. Tumpuan adalah terhadap analisis data sekunder yang diperoleh daripada kajian kepustakaan.

Bab kelima pula akan membincangkan dapatan daripada hasil kajian yang diperoleh. Analisis bab kelima bertujuan menjawab soalan-soalan kajian dalam objektif kedua. Bab ini memerihalkan pelbagai penemuan kajian berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada borang soal selidik dan temu bual bersama dengan responden daripada lapan syarikat yang ada di kota Medan Indonesia.

Bab keenam pula bertujuan untuk mencapai objektif ketiga kajian iaitu Mencadangkan satu pengharmonian item-item yang dipersembahkan dalam penyata kewangan sebagai dasar dalam taksiran zakat korporat yang selaras dengan kehendak perakaunan Islam. Bab ini membahaskan pandangan sekumpulan responden yang terdiri daripada tokoh agama, dan ahli akademik terhadap amalan dan pembentukan kaedah perakaunan zakat korporat di kota Medan Indonesia.

Bab ketujuh akan merangkumi kesimpulan dan juga rumusan keseluruhan kajian yang dilakukan. Bab ini juga turut membincangkan tentang implikasi kajian serta membincangkan tentang cadangan kajian masa hadapan.

1.11 KESIMPULAN

Bab ini memberi gambaran secara menyeluruh mengenai kajian ini. Bermula dengan huraian secara ringkas latar belakang subjek kajian. Kemudian diikuti dengan pernyataan masalah yang menjadi mendorong kepada keperluan kajian ini dilakukan. Bab ini turut menyatakan objektif kajian yang ingin dicapai. Selain itu, turut dikemukakan definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian serta organisasi tesis.

BAB 2

KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1 PENGENALAN

Berdasarkan perbincangan dalam bab pertama, kajian ini bertujuan meneliti kaedah perakaunan zakat korporat yang diamalkan oleh *muzakkī* di kota Medan Indonesia. Perbincangan dalam bab kedua ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah mengemukakan kajian lepas yang bermaksud untuk melihat perkembangan penyelidikan dan kajian ilmiah dalam bidang perakaunan zakat korporat dan bidang yang berkaitan dengannya. Kajian lepas ini dibahagikan menjadi dua bahagian, iaitu: pertama adalah tentang zakat harta dan kajian tentang perakaunan zakat korporat. Bahagian kedua adalah mengemukakan sorotan karya, yang dibahagikan kepada empat iaitu zakat harta, zakat korporat, penyata kewangan dan perakaunan zakat korporat.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai zakat bukanlah sesuatu yang baharu. Banyak kajian telah dilakukan merangkumi pelbagai aspek. Abdul Azim Islahi (2005) misalnya, membahagikan aspek kajian zakat tidak kurang daripada 20 aspek kajian. Antara ialah perakaunan dan pengauditan zakat, penilaian dan pengiraan zakat, kutipan, pentadbiran dan pengurusan zakat, *fiqh* dan undang-undang zakat, analisis ekonomi dan implikasinya, kajian kes negara, kajian perbandingan, polisi fiskal dan kemiskinan.

Dalam bahagian kajian lepas ini akan dibincangkan dua tema utama. Bahagian pertama ialah kajian tentang zakat harta; dan bahagian kedua ialah perbincangan tentang perakaunan zakat korporat serta hal yang berkaitan dengannya.

2.2.1 Kajian Zakat Harta

Persoalan tentang zakat ialah persoalan yang menarik. Ia telah banyak dikaji dan diteliti. Kajian-kajian yang telah dilakukan antaranya ialah pandangan ulama *Salaf* antaranya para Imam Mazhab sepakat bahawa zakat diwajibkan kepada orang Islam yang baligh dan berakal sihat. Walau bagaimanapun pendapat mereka berbeza tentang kewajipan zakat bagi hamba, anak-anak dan orang gila. Kekayaan yang wajib dikeluarkan zakatnya ialah binatang ternak, wang/emas dan perak, barang dagangan, hasil pertanian dan hasil galian. (Abu Yusuf, 1979; Abdullah Nasir Ulwan, 1985; dan Yusuf al-Qaradāwī, 1999).

Pada peringkat awal, persoalan tentang zakat telah banyak melibatkan semua pihak terutamanya tentang hukum zakat yang telah menjadi ketetapan sejak dahulu lagi. Antaranya Abu Yusuf (1979), Abdullah Nasir Ulwan (1985) dan Yusuf al-Qaradāwī (1999) yang telah mengkaji tentang hukum zakat dalam pandangan empat mazhab dengan mengambil kira mengenai harta-harta yang diwajibkan zakat. Dalam kajian tersebut para ulama yang berbeza pendapat dalam menentukan batasan hasil dari perut bumi yang wajib dikeluarkan zakatnya. Abu Yusuf (1979) pula mengkaji persoalan dan sandaran bagi kewajipan zakat dan percukaian. Fokus utama kajian beliau ialah kewajipan berzakat yang terdapat dalam lima kitab Hadis yang termasyhur, iaitu kitab Shahih Bukhari, Shahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmidzi.

Tulisan Yusuf al-Qaradāwī (1999) pula adalah tentang hukum zakat yang berkisarkan cara-cara mensyariatkan zakat kepada orang Islam serta menitik beratkan pengkajian yang lebih khusus kepada pandangan-pandangan pemikir Islam berkenaan dengan hukum ke atas zakat.

Bagi kajian terhadap hukum ke atas zakat di Malaysia, antara pengkaji yang terlibat antaranya Mahyuddin Abu Bakar (2000). Beliau memfokuskan terhadap taklid kepada Mazhab Syafie dalam amalan berkaitan zakat padi menurut undang-undang zakat Negeri Kedah. Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2004) pula mengkaji pengaruh pemikiran Yusuf al-Qaradāwī dalam pentadbiran zakat di Negeri Selangor. Kajian ini juga berkaitan hukum yang digunakan oleh Yusuf al-Qaradāwī yang lebih terdorong kepada Mazhab Syafie dalam aspek pentadbiran.

Dalam pembahasan mengenai hukum ke atas zakat ini, para pengkaji seperti Abdullah Nasir Ulwan (1985), Abu Yusuf (1979) dan Yusuf al-Qaradāwī (1999) mempunyai satu pandangan yang sama ke atas hukum zakat kepada orang Islam dengan mengambil kira cara mensyariatkan serta pandangan-pandangan oleh empat mazhab iaitu mazhab Hanafi, Syafie, Hanbali dan Maliki. Namun, dalam kajian Abdullah Nasir Ulwan (1985) pula lebih menumpukan terhadap pandangan-pandangan setiap mazhab mengenai segala urusan berkenaan dengan urusan zakat dengan menitikberatkan tentang harta-harta yang diwajibkan zakat, syarat-syarat kewajipan zakat, golongan penerima zakat, golongan yang tidak boleh menerima zakat serta kajian beliau juga turut menyentuh tentang hukum terhadap zakat fitrah. Bagi kajian Mahyuddin Abu Bakar (2000) dan Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2004) pula, kajian lebih tertumpu kepada hukum dalam kalangan Mazhab Syafie yang telah diaplikasikan oleh kebanyakan pentadbiran di Malaysia.

2.2.2 Kajian Perakaunan Zakat Korporat

Antara kajian yang menonjol dalam aspek jenis-jenis zakat adalah seperti kajian Abdul Aziz Muhammad (1993) dan Mujaini Tarimin (1995) yang membuat kajian terhadap zakat pertanian, manakala zakat pendapatan telah dikaji oleh Mujaini Tarimin (1995). Kajian terhadap zakat fitrah pula dilakukan oleh Lalu Khidhir (1981) dengan menyentuh tentang dasar dan penilaian, hukum, waktu dikenakan zakat, syarat wajib zakat fitrah serta kegunaan zakat fitrah itu sendiri. Kajian yang menyentuh pelbagai aspek mengenai zakat pula telah dilakukan oleh Hasbi Al-Shiddieqy (1967), Wahairi Mahmud (1991) dan Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003). Ketiga-tiga pengkaji ini telah membincangkan jenis-jenis zakat yang secara lebih mendalam seperti zakat hasil ternakan, zakat emas dan perak, zakat harta perdagangan, zakat hasil pertanian, zakat hasil bumi dan laut dan zakat fitrah.

Selain daripada kajian tentang hukum, percukaian, perundangan dan pengurusan zakat, aspek lain yang turut menjadi tumpuan ialah mengenai perakaunan zakat. Walau bagaimanapun, bilangan kajiannya amatlah terhad dan masih bersifat penerokaan (Muhammad Akhyar Adnan & Nur Barizah Abu Bakar, 2009).

Antara kajian tentang perakaunan zakat perniagaan ialah oleh Muhammad Kamal 'Atiyah (1995), Husain Shahatah (2003), Ahmad Othman (1998), Muhammad Akram Khan (2000), Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa Syed Adwam Wafa (2002), Nur Barizah Abu Bakar (2007), Zahri Hamat (2007, 2013), Muhammad Akhyar Adnan dan Nur Bazirah Abu Bakar (2009) dan Mohd Rizal Abu Bakar (2010).

Antara pengkaji awal dalam bidang perakaunan zakat ialah Muhammad Kamal 'Atiyah (1995). Menurut Shahul Hameed Mohamed Ibrahim (2005), hasil kajian

Muhammad Kamal 'Atiyah telah menjadi perintis kepada kajian-kajian lain dalam perakaunan menurut Syariat Islam. Selain itu, Husain Shahatah (1990) juga turut meneliti mengenai perakaunan zakat. Kajian beliau merangkumi perakaunan zakat untuk hasil pertanian, hasil pendapatan harta tetap, haiwan ternakan, perniagaan, zakat aset-aset kewangan, hasil laut dan perlombongan serta pendapatan dari sumber penggajian.

Muhammad Kamal 'Atiyah (1995) berfokus kepada kajian perakaunan zakat bagi harta tetap dan perakaunan zakat bagi harta semasa. Beliau berpendapat bahawa perakaunan zakat harta tetap meliputi pendapatan pertanian, pendapatan daripada kerja bebas dan harta berkembang, pendapatan hasil laut dan perlombongan serta pendapatan daripada aset kewangan. Bagi harta semasa pula meliputi zakat wang, binatang ternakan, pendapatan penggajian dan korporat.

Zahri Hamat (2007) telah mengkaji secara umum terhadap kepelbagaian kaedah perakaunan zakat harta. Di samping itu, beliau turut membincangkan perkembangan hukum zakat berasaskan ijtihad, dan syarat-syarat harta yang diwajibkan zakat. Hal yang sama juga telah dibincangkan dalam kajian Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2004). Perbincangan adalah berkenaan dengan syarat cukup haul yang mengikut majoriti fuqaha' yang mengenakan zakat hanya ke atas zakat binatang ternakan, zakat mata wang, zakat emas dan perak, serta zakat korporat. Zakat bagi pendapatan daripada pertanian, pendapatan daripada galian yang dikenali sebagai 'pendapatan' adalah tidak tertakluk kepada syarat haul (Wahbah Zuhaili, 2000; Husain Shahatah, 2003; Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003).

Kajian Norita Mohd Nasir dan Salleh Hassan (2005) menyentuh mengenai amalan perakaunan zakat oleh syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Mereka